

“RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Sejarah perlakuan jenayah rasuah bermula sejak awal kehidupan manusia bermasyarakat dan bertamadun. Penyakit ini sentiasa berkembang biak seiringan dan selari dengan kemajuan kehidupan yang dicapai oleh sesebuah masyarakat itu. Tiada mana-mana negara di dunia termasuk negara Islam yang boleh menyatakan negara mereka bebas daripada jenayah rasuah. Sejarah Malaysia juga turut dibuktikan bahawa jatuhnya kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka disebabkan rasuah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kejatuhan sesebuah kerajaan itu tidak semestinya disebabkan kalah di medan peperangan malahan kejatuhan sesebuah kerajaan itu boleh dilihat daripada sikap keji pemimpin yang berkuasa mengumpul kekayaan negara dengan jenayah rasuah dan sikap masyarakat itu sendiri.

Perlakuan jenayah rasuah boleh berlaku dan merebak seperti anai-anai memakan rumah kayu, jika dibiarkan yang pada akhirnya rumah kayu itu boleh

runtuh. Hal ini adalah kerana wujud tiga unsur utama perlakuan jenayah rasuah iaitu pertama ialah penyalahgunaan kuasa yang dimiliki seseorang melalui jawatan dan amanah yang diberikan. Keduanya ialah kelemahan kawalan dalaman iaitu kawalan dalam organisasi dan kawalan diri dari segi keimanan dan moral atau etika. Ketiganya ialah kewujudan peluang atau kesempatan iaitu menggunakan peluang yang ada untuk kepentingan diri ketika memiliki kuasa.

Penyakit rasuah mempunyai dua simptom yang sukar diubati iaitu ketagihan dan kesan kepada jiwa. Ketagihan rasuah itu diibaratkan ketagihan dadah yang sukar untuk berhenti dan diubati. Cuma yang membezakan ketagihan rasuah dengan ketagihan dadah ialah penyakit ketagihan rasuah akan berhenti apabila dia sudah tiada jawatan atau kuasa dalam sesebuah kementerian, jabatan atau organisasi tertentu.

Perlu diingatkan bahawa amat sukar untuk seseorang yang ketagih habuan rasuah untuk berhenti dalam keadaan masa itu dia masih ada jawatan dan kuasa. Apatah lagi jika dia sudah “termakan budi” dengan kontraktor, peniaga, tauke judi, pelacuran, penyeludup atau penjenayah yang sogok rasuah setiap bulan dan duit rasuah telah pun digunakan oleh perasuah itu untuk bayaran ansuran kereta, kelengkapan rumah atau hartanah yang dibelinya atau memenuhi gaya hidup mewah yang sudah biasa dibuat olehnya sejak beberapa tahun lamanya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Jenayah rasuah diharamkan oleh Allah Subhanahu wa-Taala dan hukumnya berdosa besar. Syariat Islam melarang keras perbuatan jenayah rasuah kerana bukan sahaja berdosa besar di sisi agama, tetapi juga kerana membabitkan unsur kezaliman dan penindasan serta mengambil hak orang lain secara salah. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 188 ;

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ

بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Yang bermaksud: *dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu Dengan jalan Yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia Dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kita dapati masih ramai kalangan mereka yang berjawatan tinggi dan berkuasa berani dan terpalit dengan jenayah rasuah walaupun sudah banyak penguatkuasaan undang-undang melalui tangkapan, pendakwaan dan hukuman ke atas pesalah jenayah rasuah kerana golongan ini tidak takut dengan undang-undang disebabkan sikap keras hati dan tamak dengan kesenangan hidup duniawi.

Keperluan memperkukuhkan integriti melalui pegangan agama dan moral dalam kalangan penjawat awam, swasta dan orang awam amatlah penting.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Thobrani:

الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي فِي النَّارِ

Yang bermaksud: “ *Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam api neraka.*”

Antara sebab berlakunya gejala rasuah adalah apabila hilangnya sifat ihsan. Sifat ihsan bermaksud sentiasa merasa dirinya diperhatikan oleh Allah Subhanahu wa-Taala. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari ketika ditanya oleh Jibril tentang ihsan :

مَا الْإِحْسَانُ قَالَ : أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Yang bermaksud: “Apakah ihsan itu?, sesungguhnya kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, tetapi jika kamu tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu”.

Berdasarkan hadis tadi, mereka yang mempunyai sifat Ihsan sudah tentu merasakan Allah sentiasa memerhatikan dirinya dan takut untuk membuat perkara-perkara yang dilarang oleh-Nya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Persoalannya kenapa dalam hal “makan rasuah”, kita tidak peduli halal dan haramnya. Ada orang Islam, sanggup beli makanan halal dengan wang rasuah. Adakah dia sedar bahawa membeli makanan halal sekalipun jika menggunakan wang hasil rasuah, maka makanan itu tetap haram. Begitu juga seperti seekor ayam yang diperolehi dengan cara mencuri, apabila disembelih ayam itu halal tetapi tetap haram dimakan. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis riwayat Imam al-Tarmizi:

كُلُّ لَحْمٍ نَبَتَ مِنْ حَرَامٍ فَالْتَّارُ أَوْلَى بِهِ

Yang bermaksud: “ Setiap daging yang tumbuh hasil daripada makanan yang haram itu maka api neraka adalah lebih utama untuknya ”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Walau bagaimanapun, jihad memerangi jenayah rasuah bukan hanya terletak kepada SPRM semata-mata, tetapi tanggungjawab bersama daripada pihak

pemerintah, penjawat awam dan pelbagai lapisan masyarakat untuk sama-sama memainkan peranan bagi memastikan jenayah ini dapat dibanteras.

Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 104:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Yang bermaksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang demikian ialah orang yang berjaya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.